



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

AIA PUBLIC Takaful

Dana Berkaitan Pelaburan

Laporan Prestasi

Bagi Tahun Kewangan Berakhir
31 Disember 2024



Mesej Daripada CEO	01 - 02
Tinjauan Pasaran bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024	03 - 06
Jadual Perbandingan Prestasi	07 - 28
Butiran Pelaburan	29 - 36
Kenyataan Pihak Pengurus	37
Laporan Juruaudit Bebas	38 - 40
Penyata Aset dan Liabiliti	41 - 42
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	43 - 44
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih milik Pemegang Sijil	45
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	46 - 49

CEO's Message	50 - 51
Market Review for the Financial Year Ended 31 December 2024	52 - 55
Comparative Performance Table	56 - 77
Details of Investments	78 - 85
Statement by Manager	86
Independent Auditors' Report	87 - 89
Statement of Assets and Liabilities	90 - 91
Statement of Income and Expenditure	92 - 93
Statement of Changes in Net Asset Value attributable to Certificate Holders	94
Notes to the Financial Information	95 - 98

MESEJ DARIPADA CEO

Para pemegang sijil yang dihargai,

Terima kasih atas kepercayaan berterusan anda terhadap AIA PUBLIC Takaful Bhd. (APTB). Kami amat menghargai kepercayaan yang telah diberikan kepada kami bagi memenuhi aspirasi anda sekeluarga bagi mencapai Hidup Lebih Sihat, Berpanjangan dan Bermakna.

Ulasan Pasaran

Tahun 2024 merupakan tahun yang luar biasa untuk sektor aset ekuiti. Pasaran saham Malaysia berprestasi antara terbaik di rantau Asia Pasifik didorong oleh pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara yang berdaya tahan dan pelaburan langsung asing yang meningkat secara mendadak, terutamanya ke dalam pusat-pusat data milik syarikat-syarikat multinasional seperti Google, Amazon dan Microsoft. Malaysia juga bermanfaat daripada peningkatan pelaburan dalam sektor perkilangan bersandarkan faktor 'China Plus One' tahun lepas. Zon Ekonomi Khas (SEZ) yang dinanti-nantikan serta kestabilan politik kerajaan perpaduan semasa turut meningkatkan keyakinan di kalangan para pelabur.

Di peringkat global, Indeks Dunia MSCI dan Indeks MSCI Asia Kecuali Jepun masing-masing meningkat 14.01% dan 6.95% (berasaskan MYR) didorong oleh prospek penurunan kadar faedah oleh bank-bank pusat di rantau ini dan prestasi kukuh dalam sektor teknologi. Sektor Kecerdasan Buatan ("AI") terus mendapat perhatian di AS dan juga China.

Bagi pasaran pendapatan tetap, 2024 merupakan tahun yang tidak menentu bagi pasaran pendapatan tetap global berikutan di antara lain, peralihan dasar monetari utama, konflik geopolitik yang semakin meningkat, ketegangan perdagangan dan perubahan ketara dalam rejim kerajaan. Di Amerika Syarikat ("AS"), para pelabur mengharapkan bahawa trajektori inflasi yang menurun dan pasaran buruh yang lemah di negara itu boleh membawa kepada pemotongan kadar dana persekutuan sejumlah 150 mata asas ("bps") oleh Rizab Persekutuan AS ("Fed"). Berlatarbelakangkan inflasi yang menyederhana, pengurangan kadar 50 mata asas telah dilaksanakan pada September 2024 dan seterusnya dua lagi pemotongan 25 mata asas telah dilaksanakan oleh Fed pada November 2024 dan Disember 2024. Menjelang akhir tahun, kemenangan Trump dalam pilihan raya Presiden AS telah menimbulkan kebimbangan serta implikasinya terhadap inflasi dan dasar monetari. Akibatnya, hasil Perbendaharaan AS mengakhiri tahun dengan lebih tinggi secara amnya.

Di peringkat tempatan, pertumbuhan ekonomi menjangkau jangkaan awal berikutan permintaan domestik yang kukuh, pelaburan swasta serta pemulihan dalam permintaan luar. KDNK Malaysia meningkat kepada 5.1% pada tahun 2024 berbanding 3.6% pada tahun 2023. Walaupun terdapat rasionalisasi subsidi yang berterusan, inflasi terkawal dengan baik dan hanya meningkat 1.8% sepanjang tahun 2024. Seperti jangkaan, Bank Negara Malaysia ("BNM") menetapkan kadar semalamannya (OPR) pada 3% sepanjang tahun. Pasaran sukuk tempatan tidak menentu prestasinya di kala keluk hasil Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII") mendatar. Penghujung keluk yang panjang disokong dengan baik oleh para pelabur domestik dengan penurunan hasil sebanyak 2-6 mata asas. Pelabur luar pesisir kekal sebagai pembeli bersih sekuriti hutang Malaysia, dengan aliran masuk bersih sebanyak MYR4.8 bilion pada 2024. Pegangan asing dalam kedua-dua Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") dan GII berada pada 21.3% pada Disember 2024 (berbanding 22.7% pada Disember 2023). Namun begitu, pasaran sukuk tempatan mencatatkan pulangan positif yang stabil sebanyak 4-5% pada tahun 2024. Selepas ketinggalan pada tahun 2023, Ringgit Malaysia ("MYR") mengatasi prestasi rakan serantaunya pada tahun 2024 dan mengukuh 2.7% berbanding Dolar AS ("USD"), hasil daripada aliran dana yang positif serta pengukuhan nilai teras ekonomi.

MESEJ DARIPADA CEO (SAMBUNGAN)

Tinjauan Pasaran

Melangkah ke 2025, kami optimistik namun berwaspada terhadap ekuiti kerana kemeruapan pasaran mungkin dipertingkatkan oleh ketidaktentuan jangka pendek disebabkan oleh dasar tarif Presiden AS Trump yang boleh meningkatkan tekanan inflasi dan pertumbuhan global yang perlahan. Kami menjangkakan perbezaan prestasi antara pasaran maju dan pasaran membangun sambil mengekalkan prospek positif untuk pasaran AS disebabkan oleh dasar pertumbuhan pro-domestiknya. Di Asia, ketegangan geopolitik, peningkatan tarif oleh AS dan dolar yang kukuh mungkin mempengaruhi sentimen pasaran Asia. Bagi Malaysia, kami kekal positif berikutan pertumbuhan pendapatan korporat yang kukuh, inisiatif kerajaan dan pelaburan langsung asing yang lebih tinggi. Projek-projek utama, seperti Pelan Hala Tuju Transformasi Tenaga Nasional ("NETR"), Malaysia My Second Home ("MM2H"), SEZ antara Johor dan Singapura merupakan pemangkin yang berpotensi bagi meningkatkan pertumbuhan negara. Pelaburan dalam pusat-pusat data di Malaysia perlu diteruskan walaupun pada kadar yang lebih perlahan berikutan pelaksanaan Dasar Penyebaran AI AS dan potensi dinamik kos AI yang lebih rendah DeepSeek di China.

Bagi pasaran pendapatan tetap, kami menjangkakan peningkatan risiko geopolitik, pertumbuhan mencapah dan trajektori inflasi antara negara dan langkah-langkah dasar bank-bank pusat akan menyebabkan kemeruapan. Tumpuan juga akan diberikan kepada pelancaran dasar-dasar di bawah pentadbiran Trump terutamanya berkaitan tarif dan perbelanjaan fiskal, yang kedua-duanya akan mempunyai implikasi ke atas pasaran pendapatan tetap global.

Di dalam negeri, persekitaran makro dijangka konstruktif untuk pendapatan tetap berikutan pertumbuhan yang teguh dan inflasi terkawal. Berdasarkan ini, BNM dijangka mengekalkan OPR, sekiranya tiada sebarang risiko kenaikan inflasi daripada langkah pembaharuan subsidi. Dari segi permintaan, permintaan kukuh daripada pelabur dalam negeri akan terus menyokong hasil sukuk tempatan, di samping pelaburan asing yang mampan. Bekalan dinamik juga menggalakkan dan menyokong sukuk tempatan. Dari segi MYR, kekuatan USD dijangka berterusan dalam tempoh terdekat berikutan naratif berterusan tentang kekecualian AS dan unjuran dasar inflasi Trump. Selain itu, pertumbuhan lembab ekonomi China dan ketegangan perdagangan dengan AS juga telah menyebabkan kelemahan Yuan Renminbi China ("CNY") yang akan menjejaskan Asia. Namun, tinjauan jangka sederhana untuk 2025 dijangka positif untuk MYR kerana Malaysia terus menarik masuk aliran asing dalam bentuk portfolio dan aliran pelaburan langsung.

Sekali lagi, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan berterusan anda kepada APTB dan memberi kami peluang bagi memenuhi keperluan kesihatan, kekayaan dan perlindungan anda. Pasukan pelaburan kami yang terdiri daripada mereka yang berkecualan tinggi dan profesional dalam bidang pelaburan akan terus berkhidmat berlandaskan falsafah pelaburan APTB yang hemat, pelan pengurusan risiko yang kukuh dan tadbir urus korporat yang baik. Akhir kata, kami mendoakan anda dan seisi keluarga dikurniakan kebahagiaan dan kesihatan yang baik bagi tahun ini.

Yang benar,

Elmie Aman Najas

Ketua Pegawai Eksekutif,
AIA PUBLIC Takaful Bhd.

TINJAUAN PASARAN

ULASAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan

Ulasan Pasaran

Tahun 2024 merupakan tahun yang luar biasa bagi sektor aset ekuiti terutamanya pasaran saham Malaysia kerana ia merupakan salah satu pasaran berprestasi terbaik di rantau Asia Pasifik. Ini didorong oleh pelaburan berterusan ke dalam pusat-pusat data oleh syarikat-syarikat multinasional asing seperti Google, Amazon dan Microsoft, pelaburan berterusan dalam sektor pembuatan tempatan sebagai sebahagian daripada strategi "China Plus One" yang disebabkan oleh perang perdagangan yang semakin meningkat di antara China dan Amerika Syarikat ("AS"), dan percubaan penswastaaan Malaysia Airports Holdings Berhad ("MAHB") oleh Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Global Infrastructure Partners ("GIP") milik Blackrock. Zon Ekonomi Khas Johor Singapura ("JS-SEZ") yang dinanti-nantikan terus meningkatkan keyakinan di kalangan para pelabur kerana ia merupakan inisiatif dua hala yang disokong oleh kedua-dua negara dan usaha penting sedang dilaksanakan untuk menangani isu ketersambungan antara Malaysia dan Singapura. Kestabilan politik juga merupakan faktor positif di mana Kerajaan Perpaduan menguasai 2/3 majoriti di parlimen, kestabilan ini tidak wujud sejak 2008-2023. Berikutan persekitaran perdagangan yang baik, pemulihan dalam eksport, pelancaran projek infrastruktur dan perbelanjaan pengguna yang berterusan yang kukuh, KDNK Malaysia diunjurkan meningkat ke 4.8% pada 2024 berbanding 3.6% pada 2023. Bursa tempatan menyaksikan pemilikan asing tertinggi sepanjang 18 bulan terutamanya sektor pembinaan dan hartanah pada September 2024.

Kenaikan dalam pelaburan langsung asing dan portfolio ini dibantu lagi oleh kekukuhan MYR yang meningkat daripada MYR4.5940/USD kepada MYR4.4718/USD sepanjang tahun apabila Rizab Persekutuan mula mengurangkan kadar sebanyak 100bps kepada 4.50% bermula dari Sept hingga Dis 2024 berikutan jangkaan inflasi yang berkurangan. MYR meningkat kepada paras tertinggi MYR4.12/USD pada Sept 2024, namun melemah berikutan kemenangan Presiden Trump.

Bagi tahun penuh 2024, Indeks Syariah Emas FBM meningkat 14.58%. Berbanding rakan serantau, Indeks FBM Emas Syariah mengatasi Indeks Dunia MSCI (berasaskan MYR) dan Indeks MSCI Asia Kecuali Japan (berasaskan MYR) yang masing-masing meningkat 14.01% dan 6.95% didorong terutamanya oleh prestasi kukuh dalam sektor hartanah dan pembinaan yang akibat percambahan pusat-pusat data di Malaysia. Indeks berprestasi lemah di rantau Asia Pasifik ialah MSCI Hong Kong (berasaskan MYR) dan MSCI Korea (berasaskan MYR) yang masing-masing jatuh -6.6% dan -27.0%.

TINJAUAN PASARAN (SAMBUNGAN)

ULASAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (SAMBUNGAN)

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan (sambungan)

Tinjauan Pasaran

Bagi tahun 2025, kami optimistik namun berwaspada terhadap ekuiti kerana kemeruapan pasaran mungkin dipertingkatkan oleh ketidaktentuan jangka pendek disebabkan oleh dasar tarif Presiden AS Trump yang dijangka mencetuskan tekanan inflasi dan menjejaskan pertumbuhan global. Kami menjangkakan perbezaan prestasi antara pasaran maju dan pasaran membangun, termasuk mata wang sambil mengekalkan prospek positif untuk pasaran AS disebabkan oleh dasar pertumbuhan pro-domestiknya. Di Asia, ketegangan geopolitik dan dolar yang kukuh mungkin mempengaruhi sentimen pasaran Asia. China memberi tumpuan kepada rangsangan fiskal bagi menyokong pertumbuhan domestik dan menstabilkan pasaran hartanah, walaupun cabaran struktur kekal. Di Malaysia, walaupun keyakinan kami terhadap ekuiti telah menyederhana, kami kekal positif disebabkan oleh pendapatan korporat yang kukuh, inisiatif kerajaan dan peningkatan pelaburan langsung asing. Kejayaan pelaksanaan inisiatif utama, seperti Pelan Hala Tuju Transformasi Tenaga Nasional ("NETR"), Malaysia My Second Home ("MM2H"), dan projek infrastruktur adalah kritikal. Kami berpendapat bahawa pelaburan dalam pusat-pusat data di Malaysia akan perlahan namun tidak mengurangkan walaupun pelaksanaan Dasar Penyebaran Kecerdasan Buatan AS dan gangguan kos yang disebabkan oleh DeepSeek dari China.

Peluang

- Tumpuan diperbaharui Dana Berkaitan Kerajaan Tempatan terhadap pelaburan tempatan akan menyokong pasaran modal tempatan.
- Projek infrastruktur seperti LRT Pulau Pinang, pusat data dan loji semikonduktor akan berterusan.
- Penempatan semula rantaian bekalan teknologi ke dalam ASEAN, termasuk Malaysia, disebabkan peningkatan ketegangan geopolitik yang meningkat
- JS-SEZ yang ditandatangani pada Jan 2025 akan membawa pelaburan dari Singapura memandangkan penjimatan kos yang ketara.
- NETR akan membawakan pelaburan dalam bidang ini.
- Pemulihan sektor pelancongan secara beransur-ansur dijangka memberi manfaat kepada sektor pengguna dan pelancongan.

Ancaman

- Dasar tarif Trump ke atas rakan perdagangan akan memberi kesan negatif kepada pertumbuhan global.
- Jangkaan inflasi yang lebih tinggi di AS akan menghalang Rizab Persekutuan AS ("Fed") daripada menurunkan kadar faedah. Sekiranya jangkaan inflasi meningkat semula, Fed mungkin perlu menaikkan kadar faedah.
- Pelaksanaan Dasar Penyebaran Kepintaran Buatan AS dan gangguan kos yang disebabkan oleh DeepSeek mungkin menghalang pertumbuhan dalam pelaburan pusat data.
- Risiko pelaksanaan rasionalisasi subsidi dan inisiatif ekonomi diumumkan.
- Pertumbuhan China merosot sekali lagi kerana ia gagal menangani kejatuhan pasaran

TINJAUAN PASARAN (SAMBUNGAN)

ULASAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (SAMBUNGAN)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan

Ulasan Pasaran

Bagi pasaran pendapatan tetap, 2024 merupakan tahun yang tidak menentu bagi pasaran pendapatan tetap global berikutan di antara lain, peralihan dasar monetari utama, konflik geopolitik yang semakin meningkat, ketegangan perdagangan dan perubahan ketara dalam rejim kerajaan. Di Amerika Syarikat ("AS"), para pelabur mengharapkan bahawa trajektori inflasi yang menurun dan pasaran buruh yang lemah di negara itu boleh membawa kepada pemotongan kadar dana persekutuan sebanyak 150 mata asas ("bps") oleh Rizab Persekutuan AS ("Fed"). Walau bagaimanapun, hasil Perbendaharaan AS ("UST") meningkat apabila para pelabur mula menilai semula jangkaan pengurangan kadar berikutan kebimbangan bahawa pasaran buruh yang masih teguh akan mula menyemarakkan lagi inflasi. Walau bagaimanapun, jangkaan laporan keteguhan pekerjaan Mac 2024 agak singkat kerana keluaran data pasaran buruh berikutnya menunjukkan pasaran buruh yang semakin lemah. Bersandarkan latar belakang inflasi yang menyederhana, kebimbangan mula beralih kepada bahagian pengangguran dalam mandat dwi Fed. Ini mengakibatkan pemotongan kadar 50 mata asas oleh Fed pada mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan ("FOMC") September 2024, diikuti oleh pemotongan kedua pada tahun 2024, kerana FOMC AS bertekad untuk terus mengatasi isu ini. Akibatnya, hasil UST meningkat dengan jangkaan bahawa pemuatan pemotongan oleh Fed kini boleh memanjangkan pengembangan ekonomi AS. Menjelang akhir tahun, kemenangan Trump dalam pilihan raya Presiden AS telah menimbulkan kebimbangan serta implikasinya terhadap inflasi dan dasar monetari. Akibatnya, hasil Perbendaharaan AS mengakhiri tahun dengan lebih tinggi secara amnya.

Di peringkat tempatan, pertumbuhan ekonomi menjangkaui jangkaan awal berikutan permintaan domestik yang kukuh, pelaburan swasta serta pemulihan dalam permintaan luar. KDNK Malaysia meningkat kepada 5.1% pada tahun 2024 berbanding 3.6% pada tahun 2023. Walaupun terdapat rasionalisasi subsidi yang berterusan, inflasi terkawal dengan baik dan hanya meningkat 1.8% sepanjang tahun 2024. Seperti jangkaan, Bank Negara Malaysia ("BNM") menetapkan kadar semalamannya (OPR) pada 3% sepanjang tahun. Pasaran sukuk tempatan mencatatkan jumlah pulangan yang positif pada tahun 2024. Dari segi hasil, pasaran sukuk tempatan tidak menentu prestasinya di kala keluk hasil Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII") mendatar. Penghujung keluk yang panjang disokong dengan baik oleh para pelabur domestik dengan penurunan hasil sebanyak 2-6 mata asas. Pelabur luar pesisir kekal sebagai pembeli bersih sekuriti hutang Malaysia, dengan aliran masuk bersih sebanyak MYR4.8 bilion pada 2024. Pegangan asing dalam kedua-dua Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") dan GII berada pada 21.3% pada Disember 2024 (berbanding 22.7% pada Disember 2023). Selepas ketinggalan pada tahun 2023, Ringgit Malaysia ("MYR") mengatasi prestasi rakan serantaunya pada tahun 2024 dan mengukuh 2.7% berbanding Dolar AS ("USD"), hasil daripada aliran dana yang positif serta pengukuhan nilai teras ekonomi.

TINJAUAN PASARAN (SAMBUNGAN)

ULASAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (SAMBUNGAN)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan (sambungan)

Tinjauan Pasaran

Beberapa negara, termasuk AS, telah memulakan kitaran pemotongan kadar mereka pada tahun 2025 dalam menghadapi tekanan inflasi yang berkurangan dan momentum pertumbuhan yang menyederhana. Di masa depan, kami menjangkakan peningkatan risiko geopolitik, pertumbuhan mencapah dan trajektori inflasi di kalangan negara-negara dan langkah-langkah dasar bank-bank pusat di antara punca kemeruapan merentasi pasaran pendapatan tetap global. Tumpuan juga akan diberikan kepada pelancaran dasar-dasar di bawah pentadbiran Trump terutamanya berkaitan tarif dan perbelanjaan fiskal, yang kedua-duanya akan mempunyai implikasi ke atas pasaran pendapatan tetap global.

Di dalam negeri, persekitaran makro dijangka konstruktif untuk pendapatan tetap berikutan pertumbuhan yang teguh dan inflasi terkawal. Berdasarkan ini, BNM dijangka mengekalkan OPR, sekiranya tiada sebarang risiko kenaikan inflasi daripada langkah pembaharuan subsidi. Dari segi permintaan, permintaan kukuh daripada pelabur dalam negeri akan terus menyokong hasil sukuk tempatan, di samping aliran masuk yang berterusan daripada pelabur asing yang mencari kestabilan yang ditawarkan oleh sukuk tempatan. Dinamik bekalan juga menggalakkan dan menyokong sukuk tempatan. Kami menjangkakan keluk Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII") kekal mendarat pada 2025.

Walaupun kami tidak menjangkakan pemotongan OPR pada masa ini, keluk penghujung pendek sepatutnya membawakan manfaat di kala kitaran pelonggaran monetari global mengukuh dan kemungkinan MYR yang lebih kukuh dalam jangka panjang yang berpotensi menarik masuk aliran portfolio asing. Keluk hujung panjang akan kekal teguh ekoran para pelabur yang mencari hasil, walaupun bekalan lebih tinggi tahun ini. Dari segi MYR, kekuatan USD dijangka berterusan dalam tempoh terdekat berikutan naratif berterusan tentang kekecualian AS dan unjuran dasar inflasi Trump. Selain itu, pertumbuhan lembab ekonomi China dan ketegangan perdagangan dengan AS juga telah menyebabkan kelemahan Yuan Renminbi China ("CNY") yang akan menjejaskan Asia. Namun, tinjauan jangka sederhana untuk 2025 dijangka positif untuk MYR kerana Malaysia terus menarik masuk aliran asing dalam bentuk portfolio dan aliran pelaburan langsung.

Peluang

- Pertumbuhan China pulih disebabkan sokongan dasar, memacu perdagangan global dan ketibaan pelancong ke Malaysia, menghasilkan keputusan positif untuk MYR.
- Potensi kemasukan dana daripada para pelabur asing ke dalam pasaran sukuk domestik berikutan pemotongan kadar Fed dan jangkaan peningkatan keteguhan USD.
- Permintaan dalam negeri yang lebih sihat untuk sekuriti kerajaan tempatan memandangkan bekalan likuiditi domestik masih banyak.

Ancaman


- Ketegangan geopolitik yang berpanjangan, peningkatan harga komoditi, yang boleh mencetuskan kekhuatiran inflasi.
- Kelembaban pemulihan pertumbuhan China.
- Kedayatahan ekonomi AS yang tidak dijangka dan potensi tekanan mendadak inflasi di AS menyebabkan lebih banyak kenaikan kadar Fed dan kekuatan USD yang berpanjangan.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI

01. A-DANA INCOME

Bagi tahun kewangan 2024, pada asas bersih, Dana mengembalikan 4.42% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 2.81%. Prestasi baik Dana adalah disebabkan oleh strategi tempoh wajar tinggi dan pegangannya dalam sukuk jangka panjang kerajaan dan sukuk dijamin kerajaan. Bagi tempoh 5 tahun yang ditinjau, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 20.94% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 13.26%. Prestasi positif Dana berpunca daripada pulangan pendapatan keuntungan tinggi dan pemampatan penyebaran kredit. Sejak penubuhannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 88.74% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 52.85%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2024

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 24 - Dis 24	Dis 23 - Dis 24	Dis 21 - Dis 24	Dis 19 - Dis 24	Mac 11 - Dis 24
A-Dana Income	0.37%	4.42%	14.50%	20.94%	88.74%
Indeks*	0.23%	2.81%	8.46%	13.26%	52.85%
Lebih prestasi	0.14%	1.61%	6.04%	7.67%	35.89%

* Kadar Tahap 1 Akaun Pelaburan Umum (Islam) 12 bulan Maybank (Sumber: Laman web Maybank)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

01. A-DANA INCOME (SAMBUNGAN)

Apakah strategi masa depan?


Di dalam negeri, persekitaran makro dijangka konstruktif untuk pasaran pendapatan tetap berikutan pertumbuhan yang teguh dan inflasi terkawal. Berdasarkan ini, BNM dijangka mengekalkan OPR, sekiranya tiada sebarang risiko kenaikan inflasi daripada langkah pembaharuan subsidi. Dari segi permintaan, permintaan kukuh daripada pelabur dalam negeri akan terus menyokong hasil sukuk tempatan, di samping aliran masuk yang berterusan daripada pelabur asing yang mencari kestabilan yang ditawarkan oleh sukuk tempatan. Bekalan dinamik juga menggalakkan dan menyokong sukuk tempatan. Kami menjangkakan keluk Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII") kekal mendatar pada 2025. Walaupun kami tidak menjangkakan pemotongan OPR pada masa ini, keluk penghujung pendek sepatutnya membawakan manfaat di kala kitaran pelonggaran monetari global mengukuh dan kemungkinan MYR yang lebih kukuh dalam jangka panjang yang berpotensi menarik masuk aliran portfolio asing. Keluk hujung panjang akan kekal teguh ekoran para pelabur yang mencari hasil, walaupun bekalan lebih tinggi tahun ini.

Kami menggunakan pendirian jangka masa lebih panjang di samping meneruskan dagangan mengikut momentum bagi sukuk kerajaan, dengan mencari peluang dagangan jangka pendek ke pertengahan. Peruntukan aset kami bagi pendedahan sukuk akan terus memihak kepada sukuk korporat berbanding sukuk kerajaan bagi peningkatan hasil.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan terus memberi tumpuan terhadap memaksimumkan jumlah pulangan daripada pertumbuhan pendapatan dan modal dengan melabur dalam sukuk gred pelaburan dan instrumen pasaran wang Islam di Malaysia, sambil meminimumkan risiko pelaburan semula.

Pendedahan Aset A-Dana Income pada 31 Disember 2024



01. A-DANA INCOME (SAMBUNGAN)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020
Tunai dan Setara Tunai	1%	6%	16%	10%	1%
Pembinaan	12%	13%	13%	13%	9%
Elektrik, Gas & Air	20%	15%	17%	11%	14%
Kewangan, Insurans, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	27%	22%	18%	28%	8%
Kerajaan & Lain-lain Perkhidmatan	24%	27%	1%	10%	32%
Pembuatan	10%	10%	16%	6%	8%
Perlombongan	-	-	5%	6%	8%
Pengangkutan, Pergudangan & Komunikasi	4%	4%	11%	12%	15%
Borong, Dagangan Runcit, Hotel dan Restoran	2%	3%	3%	4%	5%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

01. A-DANA INCOME (SAMBUNGAN)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (“NAV”)

	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020
Jumlah NAV (RM)	245,455,615	209,210,473	174,798,490	150,996,245	122,613,242
Bilangan Unit	260,105,414	231,485,882	207,946,243	183,214,166	147,071,825
NAV/Unit (RM)	0.944	0.904	0.841	0.824	0.834
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.944	0.904	0.841	0.836	0.836
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.902	0.842	0.801	0.803	0.771
Cukai (%)	8	8	8	8	8

Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	4.42%	7.52%	1.99%	-1.14%	6.84%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	4.42%	7.52%	1.99%	-1.14%	6.84%
3-Tahun	4.62%	2.73%	2.51%	4.95%	7.40%
5-Tahun	3.87%	4.86%	4.55%	5.09%	6.27%


Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	2.81%	3.03%	2.40%	1.97%	2.41%
3-Tahun	2.74%	2.47%	2.26%	2.62%	3.17%
5-Tahun	2.52%	2.66%	2.78%	2.98%	3.35%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

02. A-DANA EQUITY

Bagi tahun kewangan 2024, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 21.32% berbanding penanda aras yang telah memberikan pulangan sebanyak 14.58%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Hartanah, Pembinaan dan Teknologi wajaran rendah di dalam sektor Produk Pengguna dan Telekomunikasi. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan 40.69% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 5.59%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Penjagaan Kesihatan, Teknologi dan Pembinaan dan wajaran rendah di dalam sektor Telekomunikasi dan Produk Pengguna. Sejak penubuhannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 93.03% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 27.42%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2024

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 24 – Dis 24	Dis 23 – Dis 24	Dis 21 – Dis 24	Dis 19 – Dis 24	Mac 11 – Dis 24
A-Dana Equity	5.01%	21.32%	14.57%	40.69%	93.03%
Indeks*	4.62%	14.58%	2.67%	5.59%	27.42%
Lebih prestasi	0.39%	6.74%	11.90%	35.10%	65.61%

* 100% FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

02. A-DANA EQUITY (SAMBUNGAN)


Apakah strategi masa depan?

Bagi tahun 2025, kami optimistik namun berwaspada terhadap ekuiti kerana kemeruapan pasaran mungkin dipertingkatkan oleh ketidaktentuan jangka pendek disebabkan oleh dasar tarif Presiden AS Trump yang dijangka mencetuskan tekanan inflasi dan menjejaskan pertumbuhan global. Kami menjangkakan perbezaan prestasi antara pasaran maju dan pasaran membangun, termasuk mata wang sambil mengekalkan prospek positif untuk pasaran AS disebabkan oleh dasar pertumbuhan pro-domestiknya. Di Asia, ketegangan geopolitik dan dolar yang kukuh mungkin mempengaruhi sentimen pasaran Asia. China memberi tumpuan kepada rangsangan fiskal bagi menyokong pertumbuhan domestik dan menstabilkan pasaran hartanah, walaupun cabaran struktur kekal. Di Malaysia, walaupun keyakinan kami terhadap ekuiti telah menyederhana, kami kekal positif disebabkan oleh pendapatan korporat yang kukuh, inisiatif kerajaan dan peningkatan pelaburan langsung asing. Kejayaan pelaksanaan inisiatif utama, seperti Pelan Hala Tuju Transformasi Tenaga Nasional ("NETR"), Malaysia My Second Home ("MM2H"), dan projek infrastruktur adalah kritikal. Kami berpendapat bahawa pelaburan dalam pusat-pusat data di Malaysia akan perlahan namun tidak mengurangkan walaupun pelaksanaan Dasar Penyebaran Kecerdasan Buatan AS dan gangguan kos yang disebabkan oleh DeepSeek dari China.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang melalui portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

Pendedahan Aset A-Dana Equity pada 31 Disember 2024



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

02. A-DANA EQUITY (SAMBUNGAN)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020
Tunai dan Setara Tunai	5%	5%	13%	14%	15%
Pembinaan	10%	5%	4%	3%	4%
Produk Pengguna	6%	10%	12%	8%	7%
Tenaga	7%	3%	2%	2%	4%
Kewangan	2%	2%	3%	3%	2%
Penjagaan Kesihatan	10%	8%	6%	10%	17%
Produk Perindustrian	16%	13%	12%	13%	9%
Perladangan	8%	11%	11%	7%	7%
Hartanah	7%	5%	1%	1%	1%
Amanah Pelaburan Hartanah	0%	1%	1%	1%	1%
Teknologi	8%	10%	11%	16%	15%
Telekomunikasi & Media	8%	11%	13%	13%	11%
Pengangkutan & Logistik	2%	4%	5%	4%	3%
Utiliti	11%	12%	6%	5%	4%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

02. A-DANA EQUITY (SAMBUNGAN)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")

	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020
Jumlah NAV (RM)	980,393,820	772,224,776	683,108,426	619,469,278	509,141,246
Bilangan Unit	1,015,802,485	970,719,465	871,048,331	735,332,735	599,339,667
NAV/Unit (RM)	0.965	0.796	0.784	0.842	0.850
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.978	0.799	0.835	0.889	0.886
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.795	0.753	0.721	0.805	0.580
Cukai (%)	8	8	8	8	8


Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	21.32%	1.44%	-6.91%	-0.83%	23.84%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	21.32%	1.44%	-6.91%	-0.83%	23.84%
3-Tahun	4.64%	-2.17%	4.56%	9.71%	3.46%
5-Tahun	7.06%	4.51%	0.45%	3.86%	3.33%

Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	14.58%	0.46%	-10.80%	-6.37%	9.84%
3-Tahun	0.88%	-5.69%	-2.83%	2.21%	-0.15%
5-Tahun	1.09%	-0.88%	-3.62%	0.57%	0.71%

03. A-DALI EQUITY

Bagi tahun kewangan 2024, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan positif sebanyak 20.30% berbanding penanda aras sebanyak 14.58%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Hartanah, Pembinaan dan Teknologi dan wajaran rendah di dalam sektor Barangan Pengguna dan Telekomunikasi. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan 7.18% berbanding pulangan penanda aras sebanyak -5.38%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana dalam sektor Penjagaan Kesihatan, Teknologi dan Pembinaan dan wajaran rendah di dalam sektor Barangan Pengguna dan Telekomunikasi. Sejak penubuhannya pada Februari 2013, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 14.27% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 14.98%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2024

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 24 - Dis 24	Dis 23 - Dis 24	Dis 21 - Dis 24	Dis 19 - Dis 24	Feb 13 - Dis 24
A-DALI Equity	4.92%	20.30%	14.33%	7.18%	14.27%
Indeks*	4.62%	14.58%	2.67%	5.38%	14.98%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.30%	5.72%	11.66%	1.80%	-0.71%

* FBM Emas Syariah (Sumber: Bloomberg)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

03. A-DALI EQUITY (SAMBUNGAN)


Apakah strategi masa depan?

Bagi tahun 2025, kami optimistik namun berwaspada terhadap ekuiti kerana kemaruapan pasaran mungkin dipertingkatkan oleh ketidaktentuan jangka pendek disebabkan oleh dasar tarif Presiden AS Trump yang dijangka mencetuskan tekanan inflasi dan menjejaskan pertumbuhan global. Kami menjangkakan perbezaan prestasi antara pasaran maju dan pasaran membangun, termasuk mata wang sambil mengekalkan prospek positif untuk pasaran AS disebabkan oleh dasar pertumbuhan pro-domestiknya. Di Asia, ketegangan geopolitik dan dolar yang kukuh mungkin mempengaruhi sentimen pasaran Asia. China memberi tumpuan kepada rangsangan fiskal bagi menyokong pertumbuhan domestik dan menstabilkan pasaran hartanah, walaupun cabaran struktur kekal. Di Malaysia, walaupun keyakinan kami terhadap ekuiti telah menyederhana, kami kekal positif disebabkan oleh pendapatan korporat yang kukuh, inisiatif kerajaan dan peningkatan pelaburan langsung asing. Kejayaan pelaksanaan inisiatif utama, seperti Pelan Hala Tuju Transformasi Tenaga Nasional ("NETR"), Malaysia My Second Home ("MM2H"), dan projek infrastruktur adalah kritikal. Kami berpendapat bahawa pelaburan dalam pusat-pusat data di Malaysia akan perlahan namun tidak mengurang walaupun pelaksanaan Dasar Penyebaran Kecerdasan Buatan AS dan gangguan kos yang disebabkan oleh DeepSeek dari China.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang melalui portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

Pendedahan Aset A-DALI Equity pada 31 Disember 2024



3. A-DALI EQUITY (SAMBUNGAN)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020
Tunai dan Setara Tunai	1%	5%	2%	7%	6%
Dana Mutual	99%	95%	98%	93%	94%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")

	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020
Jumlah NAV (RM)	13,868,344	12,475,471	11,971,977	12,154,880	11,830,395
Bilangan Unit	24,272,854	26,267,477	25,011,193	24,322,836	22,328,431
NAV/Unit (RM)	0.571	0.475	0.479	0.500	0.530
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.579	0.486	0.506	0.541	0.543
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.474	0.451	0.443	0.478	0.421
Cukai (%)	8	8	8	8	8

Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	20.30%	-0.78%	-4.22%	-5.68%	-0.61%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	20.30%	-0.78%	-4.22%	-5.68%	-0.61%
3-Tahun	4.56%	-3.58%	-3.53%	-0.81%	-3.74%
5-Tahun	1.40%	-1.49%	-4.23%	-1.72%	-1.62%


Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	14.58%	0.46%	-10.80%	-6.81%	10.14%
3-Tahun	0.88%	-5.84%	-2.90%	2.15%	-0.36%
5-Tahun	1.05%	-0.91%	-3.84%	0.41%	0.55%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

04. A-DANA BALANCED

Bagi tahun kewangan 2024, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 20.49%, berbanding penanda aras yang memberikan pulangan sebanyak 11.38%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi di dalam sektor Hartanah, Pembinaan dan Teknologi dan wajaran rendah Barangan Pengguna dan Telekomunikasi. Prestasi baik Dana juga disebabkan oleh pegangannya di dalam sukuk jangka panjang kerajaan dan sukuk dijamin kerajaan. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan 45.65% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 9.98%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Penjagaan Kesihatan, Teknologi dan Pembinaan dan wajaran rendah di dalam sektor Telekomunikasi dan Barangan Pengguna. Prestasi positif Dana di dalam sukuk berpunca daripada pulangan pendapatan keuntungan tinggi, pemampatan penyebaran kredit dan peruntukan aset wajaran tinggi terhadap sukuk korporat. Sejak penubuhannya, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 84.96% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 38.56%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2024

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 24 - Dis 24	Dis 23 - Dis 24	Dis 21 - Dis 24	Dis 19 - Dis 24	Ogos 11 - Dis 24
A-Dana Balanced	3.78%	20.49%	18.05%	45.65%	84.96%
Indeks*	3.33%	11.38%	5.58%	9.98%	38.56%
Lebih prestasi	0.45%	9.11%	12.48%	35.67%	46.40%

* 70% FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia) + 30% Indeks GII ALL (Sumber: RAM QuantShop@www.quantshop.com)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

04. A-DANA BALANCED (SAMBUNGAN)

Apakah strategi masa depan?

Di dalam negeri, persekitaran makro dijangka konstruktif untuk pendapatan tetap berikutan pertumbuhan yang teguh dan inflasi terkawal. Berdasarkan ini, BNM dijangka mengekalkan OPR, sekiranya tiada sebarang risiko kenaikan inflasi daripada langkah pembaharuan subsidi. Dari segi permintaan, permintaan kukuh daripada pelabur dalam negeri akan terus menyokong hasil sukuk tempatan, di samping aliran masuk yang berterusan daripada pelabur asing yang mencari kestabilan yang ditawarkan oleh sukuk tempatan. Bekalan dinamik juga menggalakkan dan menyokong sukuk tempatan. Kami menjangkakan keluk Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GIL") kekal mendatar pada 2025. Walaupun kami tidak menjangkakan pemotongan OPR pada masa ini, keluk penghujung pendek sepatutnya membawakan manfaat di kala kitaran pelonggaran monetari global mengukuh dan kemungkinan MYR yang lebih kukuh dalam jangka panjang yang berpotensi menarik masuk aliran portfolio asing. Keluk hujung panjang akan kekal teguh ekoran para pelabur yang mencari hasil, walaupun bekalan lebih tinggi tahun ini.

Kami menggunakan pendirian jangka masa lebih panjang di samping meneruskan dagangan mengikut momentum bagi sukuk kerajaan, dengan mencari peluang dagangan jangka pendek ke pertengahan. Peruntukan aset kami bagi pendedahan sukuk akan terus memihak kepada sukuk korporat berbanding sukuk kerajaan bagi peningkatan hasil.

Bagi tahun 2025, kami optimistik namun berwaspada terhadap ekuiti kerana kemaruapan pasaran mungkin dipertingkatkan oleh ketidaktentuan jangka pendek disebabkan oleh dasar tarif Presiden AS Trump yang dijangka mencetuskan tekanan inflasi dan menjejaskan pertumbuhan global. Kami menjangkakan perbezaan prestasi antara pasaran maju dan pasaran membangun, termasuk mata wang sambil mengekalkan prospek positif untuk pasaran AS disebabkan oleh dasar pertumbuhan pro-domestiknya. Di Asia, ketegangan geopolitik dan dolar yang kukuh mungkin mempengaruhi sentimen pasaran Asia. China memberi tumpuan kepada rangsangan fiskal bagi menyokong pertumbuhan domestik dan menstabilkan pasaran hartanah, walaupun cabaran struktur kekal. Di Malaysia, walaupun keyakinan kami terhadap ekuiti telah menyederhana, kami kekal positif disebabkan oleh pendapatan korporat yang kukuh, inisiatif kerajaan dan peningkatan pelaburan langsung asing. Kejayaan pelaksanaan inisiatif utama, seperti Pelan Hala Tuju Transformasi Tenaga Nasional ("NETR"), Malaysia My Second Home ("MM2H"), dan projek infrastruktur adalah kritikal. Kami berpendapat bahawa pelaburan dalam pusat-pusat data di Malaysia akan perlahan namun tidak mengurang walaupun pelaksanaan Dasar Penyebaran Kecerdasan Buatan AS dan gangguan kos yang disebabkan oleh DeepSeek dari China.


JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

04. A-DANA BALANCED (SAMBUNGAN)

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan terus memberi tumpuan bagi memaksimumkan jumlah pulangan daripada pertumbuhan pendapatan dan modal dengan melabur dalam sukuk gred pelaburan dan instrument pasaran wang Islam di Malaysia, sambil meminimumkan risiko pelaburan semula. Bagi bahagian ekuiti, kami akan meneruskan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang selama ini portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

Pendedahan Aset A-Dana Balanced Fund pada 31 Disember 2024



04. A-DANA BALANCED (SAMBUNGAN)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020
Tunai dan Setara Tunai	2%	2%	9%	11%	12%
Pembinaan	9%	3%	3%	3%	3%
Produk Pengguna	4%	6%	9%	6%	5%
Tenaga	6%	4%	2%	2%	3%
Sekuriti Pendapatan Tetap	23%	30%	25%	21%	25%
Kewangan	1%	0%	2%	2%	2%
Penjagaan Kesihatan	7%	6%	5%	8%	11%
Produk Perindustrian	14%	10%	9%	12%	6%
Hartanah	5%	4%	1%	1%	1%
Perladangan	5%	7%	8%	5%	5%
Amanah Pelaburan Harta Tanah	0%	1%	1%	1%	1%
Teknologi	9%	9%	9%	12%	14%
Telekomunikasi & Media	7%	8%	9%	9%	7%
Pengangkutan & Logistik	1%	2%	3%	3%	2%
Utiliti	9%	9%	5%	4%	3%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

04. A-DANA BALANCED (SAMBUNGAN)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (“NAV”)


	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020
Jumlah NAV (RM)	184,147,678	142,055,831	115,124,418	103,488,617	84,727,622
Bilangan Unit	99,562,107	92,542,624	77,873,644	66,053,755	54,859,699
NAV/Unit (RM)	1.850	1.535	1.478	1.567	1.544
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.863	1.537	1.556	1.616	1.575
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	1.534	1.462	1.379	1.500	1.130
Cukai (%)	8	8	8	8	8
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	20.49%	3.83%	-5.64%	1.44%	21.62%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	20.49%	3.83%	-5.64%	1.44%	21.62%
3-Tahun	5.69%	-0.20%	5.20%	9.89%	5.28%
5-Tahun	7.81%	5.39%	2.24%	5.04%	4.32%
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	11.38%	2.32%	-7.36%	-5.09%	9.76%
3-Tahun	1.82%	-3.47%	-1.18%	3.14%	1.94%
5-Tahun	1.92%	0.79%	-1.41%	1.84%	2.25%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

05. A-DANA STRATEGIC EQUITY

Bagi tahun kewangan 2024, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan positif sebanyak 19.31% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 18.79%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh peruntukan Dana di dalam Dana A-Dana Equity yang telah mengatasi penanda arasnya, di mana Indeks HSBC Islamic Global Equity telah menghasilkan pulangan mutlak yang kukuh walaupun berprestasi rendah berbanding penanda arasnya dalam terma USD. Sejak penubuhannya, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 32.01% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 26.57%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2024

Prestasi Kumulatif	1 Month	1 Year	3 Years	5 Years	Since Inception
	Nov 24 - Dis 24	Dis 23 - Dis 24	Dis 21 - Dis 24	Dis 19 - Dis 24	Mei 21 - Dis 24
A-Dana Strategic Equity	2.70%	19.31%	21.28%	-	32.01%
Indeks*	2.75%	18.79%	18.73%	-	26.57%
(Bawah)/Lebih Prestasi	-0.05%	0.52%	2.55%	-	5.45%

* 50% FBM Emas Syariah [Sumber: Laman web Bursa Malaysia] + 50% Indeks Dow Jones Islamic Market Titans 100 [Sumber: Bloomberg]

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

05. A-DANA STRATEGIC EQUITY (SAMBUNGAN)


Apakah strategi masa depan?

Bagi tahun 2025, kami optimistik namun berwaspada terhadap ekuiti kerana kemaruapan pasaran mungkin dipertingkatkan oleh ketidaktentuan jangka pendek disebabkan oleh dasar tarif Presiden AS Trump yang dijangka mencetuskan tekanan inflasi dan menjejaskan pertumbuhan global. Kami menjangkakan perbezaan prestasi antara pasaran maju dan pasaran membangun, termasuk mata wang sambil mengekalkan prospek positif untuk pasaran AS disebabkan oleh dasar pertumbuhan pro-domestiknya. Di Asia, ketegangan geopolitik dan dolar yang kukuh mungkin mempengaruhi sentimen pasaran Asia. China memberi tumpuan kepada rangsangan fiskal bagi menyokong pertumbuhan domestik dan menstabilkan pasaran hartanah, walaupun cabaran struktur kekal. Di Malaysia, walaupun keyakinan kami terhadap ekuiti telah menyederhana, kami kekal positif disebabkan oleh pendapatan korporat yang kukuh, inisiatif kerajaan dan peningkatan pelaburan langsung asing. Kejayaan pelaksanaan inisiatif utama, seperti Pelan Hala Tuju Transformasi Tenaga Nasional ("NETR"), Malaysia My Second Home ("MM2H"), dan projek infrastruktur adalah kritikal. Kami berpendapat bahawa pelaburan dalam pusat-pusat data di Malaysia akan perlahan namun tidak mengurang walaupun pelaksanaan Dasar Penyebaran Kecerdasan Buatan AS dan gangguan kos yang disebabkan oleh DeepSeek dari China.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal jangka panjang menerusi portfolio pelaburan sekuriti patuh Syariah yang pelbagai di bursa tempatan dan asing.

Pendedahan Aset A-Dana Strategic Equity pada 31 Disember 2024



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

05. A-DANA STRATEGIC EQUITY (SAMBUNGAN)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020
Tunai dan Setara Tunai	2%	5%	13%	9%	-
Dana Mutual	98%	95%	87%	91%	-
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	-

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")

	31 Dis 2024	31 Dis 2023	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020
Jumlah NAV (RM)	168,165,685	125,559,050	93,644,945	52,632,623	-
Bilangan Unit	127,384,340	113,473,963	98,902,749	48,354,608	-
NAV/Unit (RM)	1.320	1.107	0.947	1.088	-
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.346	1.116	1.084	1.088	-
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	1.102	0.940	0.922	0.997	-
Cukai (%)	8	8	8	8	-

Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	19.31%	16.86%	-13.01%	-	-
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	19.31%	16.86%	-13.01%	-	-
3-Tahun	6.64%	-	-	-	-
5-Tahun	-	-	-	-	-


Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	18.79%	18.76%	-15.84%	-	-
3-Tahun	5.89%	-	-	-	-
5-Tahun	-	-	-	-	-

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

06. A-DANA STRATEGIC DYNAMIC

Bagi tahun kewangan 2024, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 7.20%, berbanding penanda aras sebanyak 8.18%. Dana memberikan pulangan mutlak yang kukuh yang melebihi pulangan bersih sasaran sebanyak 6% walaupun prestasi penanda arasnya kurang baik dalam terma MYR, yang disebabkan terutamanya oleh pemilihan saham negatif Dana dalam pegangan seperti Samsung Electronics dan Vestas Wind Systems yang berprestasi rendah. Dana juga mempunyai pegangan tunai yang lebih tinggi berbanding dengan wajaran penanda aras yang merupakan rintangan. Sejak penubuhannya, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 21.62% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 31.35%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2024

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 24 - Dis 24	Dis 23 - Dis 24	Dis 21 - Dis 24	Dis 19 - Dis 24	Jun 22 - Dis 24
A-Dana Strategic Dynamic	0.43%	7.20%	-	-	21.62%
Indeks*	-0.60%	8.18%	-	-	31.35%
Lebih/(Bawah) prestasi	1.02%	-0.98%	-	-	-9.73%

* 65% Indeks Pulangan Dunia Pasaran Islam Dow Jones + 35% Indeks Sukuk Dow Jones (Sumber: Bloomberg)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

06. A-DANA STRATEGIC DYNAMIC (SAMBUNGAN)

Apakah strategi masa depan?


